

29 JUL 2004
LID-MULA
LID BERMULA HARI INI

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2004) bermula hari ini dengan peserta dijangka bertemu untuk berbincang bagaimana menggunakan Perkongsian Pintar bagi meningkatkan taraf hidup penduduk terutama di negara membangun.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba hari ini dan akan menyertai 18 pemimpin lain terdiri daripada presiden, perdana menteri, usahawan dan seorang raja untuk membincangkan cara melaksanakan dengan jayanya Perkongsian Pintar yang dirintis oleh Malaysia.

Selain menyampaikan ucapan di majlis makan malam alu-aluan di Pelangi Beach resort malam ini, Abdullah akan mempengerusikan dialog yang dihadiri kira-kira 700 peserta dari lebih 20 negara dalam tempoh tiga hari akan datang.

Terdahulu, beliau merasmikan Global 2004 Pameran Teknologi dan Perniagaan Malaysia 2004 di Berjaya Beach Resort and Spa, acara baru pada dialog kali ini yang memperagakan produk dan perkhidmatan perindustrian.

Dialog dwitahunan itu hasil cetusan idea bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1995, telah memasuki siri ketujuhnya tahun ini.

Dialog itu yang bertemakan "Ke Arah Dunia Lebih Pintar - Menyatukan Cabaran Pembangunan dengan Keselamatan Global Menerusi Dialog," bermatlamat untuk mewujudkan kesedaran Perkongsian Pintar perlu dipertingkatkan untuk membawa faedah bersama dan menyeluruh kepada seluruh penduduk dunia.

Antara pemimpin utama yang menghadiri dialog itu termasuklah Presiden Namibia Dr Sam Nujoma, King Mswati III dari Swaziland, penaung LID 2003, Naib Presiden Afrika Selatan Jacob G. Zuma dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano.

Kumpulan berkepentingan khusus terdiri daripada ahli politik, kakitangan kerajaan, ahli perniagaan, buruh, kumpulan sosial, media serta yang terlibat dalam budaya dan kesenian akan berinteraksi secara tidak rasmi di dialog itu.

Pameran perindustrian produk dan perkhidmatan Malaysia "Pameran LID 2004" mempamerkan teknologi dan industri terkini negara dalam pelbagai bidang merangkumi aktiviti penyelidikan dan pembangunan, produk, penyelesaian dan perkhidmatan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan membicarakan mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan pembangunan skim tanah di Malaysia, satu kejayaan yang boleh diteladani oleh negara-negara selatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaludin Jarjis memberitahu Bernama semalam LID akan menekankan kepada cabaran memajukan dunia yang lebih saksama bagi merapatkan jurang antara negara kaya dan miskin.

-- BERNAMA
MR TOM ZK